

# Kemajuan lebih wajar untuk luar bandar

*Pengelasan kampung2 akan dijalankan di seluruh negara — Mahathir*

U.M. 28 JUL 1978

**A**LORSETAR 27/ Julai — Kerajaan sedang menjalankan pengelasan kampung di seluruh negara bagi merancang kemajuan secara lebih wajar dan penyuluran peruntukan dengan lebih saksama, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata segala maklumat yang diperolehi akan disimpan dan dianalisa dengan menggunakan komputer.

Berasaskan maklumat itu, kampung-kampung akan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat maju, sederhana dan mundur dan peruntukan akan diagih-

kan mengikut peringkat kemajuan sesuatu kampung itu.

"Dengan cara demikian kerajaan akan dapat menyalurkan peruntukan kepada kampung-kampung luar bandar dengan lebih saksama," tambah beliau ketika merasmikan pertunjukan dan pertandingan pertanian zon utara di sini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kerajaan kini sedang menumpukan perhatian kepada kemajuan seluruh negara terutama di kawasan luar bandar di mana sebahagian besar daripada penduduknya masih ketinggalan dalam serba serbi.

Pada masa ini didapati banyak penduduk luar bandar yang menganggur sehingga perlu meninggalkan

kampung sendiri untuk berhijrah ke bandar-bandar.

Katanya, salah satu cara untuk mengatasi penghijrahan sedemikian ialah dengan mengadakan perusahaan di luar bandar, biarpun perusahaan itu tidak semata-mata berasaskan hasil pertanian.

## Memikat

Oleh itu, satu jalan perlu dicari untuk memikat pengusaha di bandar membuka perusahaan mereka di luar bandar bagi membuka peluang pekerjaan kepada penduduk desa.

Beliau lalu menyeru sektor swasta supaya menerima cabaran itu untuk menentukan kekayaan negara dapat

dikecap bukan sahaja oleh penduduk bandar bahkan juga oleh penduduk luar bandar.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun, mengingatkan penduduk luar bandar tentang perlunya kerjasama mereka bagi menjayakan sebarang program kerajaan kerana kerajaan sendiri tidak boleh memajukan luar bandar tanpa penyertaan mereka sepenuhnya.

Sambil itu, rakyat di luar bandar terutama para petani juga hendaklah menjauhkan diri daripada berhutang seberapa yang boleh dan mereka hendaklah sentiasa berbangga dengan tabiat berjimat cermat serta mempunyai perasaan untuk menabung.

Mengenai kesihatan di

luar bandar, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sebanyak 46 daerah yang difikirkan terdesak berasaskan kadar kematian kanak-kanak telah diberi beberapa kemudahan kesihatan termasuk rancangan amalan makanan dan pemakanan (AMP).

Di bawah rancangan AMP, sejumlah \$17.6 juta telah disediakan tahun ini bagi memberikan makanan tambahan kepada murid-murid darjah satu dan sebahagian murid-murid darjah dua dan enam.